



UTUSAN MALAYSIA
19/8/2017 p. 34



PULANG dengan pingat perak ketika temasya Sukan SEA dua tahun lalu, skuad ragbi lelaki negara yang menjalani latihan di Universiti Putra Malaysia berazam untuk melakukan kejutan apabila acara itu membuka gelanggang di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya. - BERNAMA

Ragbi lelaki sedia gempur emas

■ KUALA LUMPUR 18 OGOS

DUA tahun lalu, skuad ragbi negara hanya pulang dengan pingat perak ketika temasya Sukan SEA di Singapura.

Namun kali ini di laman sendiri, mereka berazam untuk melakukan kejutan apabila acara itu membuka gelanggang hari pertama di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dekat sini esok.

Walaupun hanya meletakkan sasaran pingat perak, pengurus pasukan, Amir Amri Mohamad mahu anak buahnya berusaha



FAKTA 2

Pasukan teratas liga akan bertemu sekali lagi dalam *final* untuk penentuan pingat emas

menukar warna pingat kepada yang lebih baik.

“Selepas mesyuarat pengurus pasukan hari ini, kita nampak peluang untuk menang emas itu tetap ada memandangkan

pencabar terkuat kita iaitu Filipina menyenaraikan pemain naturalisasi yang hampir sama ketika menewaskan kita di *final* dua tahun lalu.

“Jadi kita sudah tahu kekuatan mereka cuma sedikit membimbangkan adalah Singapura (pemenang gangsa 2015) yang menyenaraikan pemain berbeza kali ini. Kita perlu berwaspada dengan dua pasukan ini jika berhasrat mahu tukar warna pingat,” katanya.

Amir Amri memberitahu, ketika ini apa yang penting adalah menebus kekalahan kepada Filipina di *final* pada 2015.

Pasukan ragbi lelaki negara

dijadual membuka kempen meraih emas menentang Kemboja pada acara sukan yang dilangsungkan secara liga sepusingan itu.

Selepas itu skuad negara akan menentang Singapura diikuti Filipina sebelum bertemu Thailand dan Indonesia pada hari kedua pertandingan.

Dua pasukan teratas liga akan bertemu sekali lagi di *final* untuk penentuan pingat emas.

Turut berlangsung esok adalah acara ragbi wanita di mana skuad negara lebih dulu menentang Filipina diikuti Thailand, Laos sebelum menyambung saingan menentang Singapura dan Indonesia pada hari kedua.